

♥15/06/19-47MST

CNS8544

R PB 15-06 00176 BA875

bah

Mahathir - MCA

PM KATA KEPENTINGAN KAUM LAIN TURUT DIAMBIL KTRA

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kepentingan kaum lain turut diambil kira ketika kerajaan meneliti cadangan Pemuda MCA supaya peraturan ekuiti dalam usahasama antara peniaga Cina dan Melayu dikaji semula.

Dr Mahathir berkata cadangan Pemuda MCA itu dihormati, tetapi pada masa yang sama kerajaan perlu menghormati pendapat pihak lain.

"Kita tengoklah. Takkanlah kita tak ambil kira kepentingan yang lain," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kontrak pemerosesan sisa kumbahan usahasama syarikat-syarikat Malaysia, Thailand dan Iran, di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas cadangan Pemuda MCA itu yang meminta sistem kuota dalam ekuiti usahasama peniaga Cina dan Melayu yang diamalkan sekarang dikaji semula jika kerajaan ingin mencapai matlamat mewujudkan usahasama tulen.

Cadangan itu terkandung dalam memorandum Pemuda MCA yang dikemukakan kepadanya pada pertemuan 51 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat pergerakan berkenaan dengan beliau di Jabatan Perdana Menteri semalam. -- laqi

ZV PR

♥15/06/20-24MST

R PB 15-06 00134 BA876

bah

Mahathir - MCA 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Butiran memorandum itu yang dinyatakan oleh Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy kepada pemberita hari ini turut mencadangkan supaya penyertaan semua kaum dalam pengurusan dan kakitangan sesuatu usahasama hendaklah berdasarkan kecemerlangan dan keperluan.

Ketika ditanya sama ada wajar cadangan seumpama itu dikemukakan pada ketika pilihan raya umum semakin hampir, Perdana Menteri berkata: "Soal wajar atau tidak wajar tidak timbul".

Katanya, perkara itu adalah lumrah politik kerana setiap parti sudah pasti akan berusaha untuk memenuhi kepentingan anggota masyarakat yang diwakilinya.

Baqaimanapun, beliau yakin cadangan Pemuda MCA itu bukan bertujuan untuk menimbulkan masalah kepada Barisan Nasional tetapi sekadar menyatakan pendapat mereka semata-mata.

"Tak ada masalah, bukan nak bertumbuk... nak bercakap saja," katanya.

-- Bernama

ZV PR